

# MIGRASI AGAMAWAN DAN IMPAKNYA TERHADAP PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI SABAH

***RELIGIOUS MIGRATION AND ITS IMPACT ON THE DEVELOPMENT OF ISLAMIC EDUCATION IN SABAH***

**Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin<sup>1\*</sup>**

**Syamsul Azizul Marinsah<sup>2\*</sup>**

**Abang Mohd Razif Abang Muis<sup>3</sup>**

**Irma Wani Othman<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mel: mnhidayath\_h@ums.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mel: syamsulazizul@ums.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mel: amrazif@ums.edu.my)

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mel: irma@ums.edu.my)

\*Corresponding Author

## Article history

**Received date** : 01-07-2021

**Revised date** : 16-08-2021

**Accepted date** : 30-09-2021

**Published date** : 31-10-2021

## To cite this document:

Hajimin, M. N. H. H., Marinsah, S. A., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., (2021). Migrasi Agamawan dan Impaknya Terhadap Perkembangan Pendidikan Islam di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 24 - 44.

**Abstrak:** Perbahasan berkenaan impak migrasi di Sabah bukanlah satu perkara baharu. Bagaimanapun, perbahasan impak migrasi dalam arus perdana lebih menjurus kepada impak migrasi ekonomi dan migrasi pelarian. Hal ini kerana kedua-dua dimensi tersebut berlaku dalam skala yang besar. Hakikatnya, migrasi yang berlaku di Sabah tidak hanya tercakup dalam dua dimensi tersebut sahaja. Terdapat juga dimensi-dimensi migrasi lain yang turut berlaku, antaranya migrasi agamawan. Migrasi agamawan tidak dinafikan telah memberikan impak yang besar terutamanya dalam perkembangan peradaban Islam di Sabah. Oleh itu, kajian ini akan membahaskan impak migrasi golongan agamawan terhadap perkembangan pendidikan Islam di Sabah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual. Kajian mendapati migrasi agamawan ke Sabah telah memberikan impak yang signifikan bermula dengan penyebaran awal Islam ke Sabah itu sendiri, proses-proses dakwah yang sentiasa dijalankan (sehingga menyumbang kepada peningkatan komposisi Islam sebagai kumpulan majoriti), pindaan perlembagaan negeri yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri, seterusnya pembangunan hal ehwal Islam dari segenap aspek termasuklah pendidikan Islam. Ini menunjukkan bahawa migrasi golongan agamawan berupaya memberikan impak signifikan di tempat yang didatangi mereka dan aspek ini wajar untuk diterokai lagi untuk kajian-kajian lanjutan.

**Kata Kunci:** Migrasi, Agamawan, Pendidikan Islam, Muslim, Sabah

**Abstract:** The debate on the impact of migration in Sabah is not a new issue. The mainstream debate on impact of migration is mainly focused on economic and refugee migration as these two dimensions occur on a large scale. Apart from these two dimensions of migration, there is also migration of religious people in Sabah. There is no doubt that migration of religious people has had a significant impact, particularly on the development of Islamic civilization in Sabah. Therefore, this study will discuss the impact of the migration of religious people on the development of Islamic education in Sabah. This is a qualitative study conducted using content analysis and interview approach. The study found that the migration of religious people to Sabah has been a huge impact from the early expansion of Islam as well as the ongoing dakwah processes (which contributing to the increase in the composition of Islam as a majority group). Besides, the state constitutional amendments that acknowledged Islam as the official state religion as well as development of Islamic affairs from all aspects including Islamic education has had a substantial impact on Sabah. This indicates that the migration of religious people can give a significant impact on the places they visit, and this aspect should be explored further for future research.

**Keywords:** Migration, Religious people, Islamic Education, Muslim, Sabah

## Pengenalan

Perbahasan berkenaan impak migrasi di Sabah bukanlah satu perkara baharu. Bagaimanapun, perbahasan impak migrasi dalam arus perdana lebih menjurus kepada impak migrasi ekonomi dan migrasi pelarian ekoran kedua-dua dimensi tersebut berlaku dalam skala yang besar. Antara kajian yang membahaskan dua dimensi migrasi tersebut adalah seperti: Aizat (2016) bertajuk *Pelarian Cina Indonesia dan Pelarian Moro di Sabah: penelitian dari aspek pensejarahan*; Azizah (2015) bertajuk *Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sebagai musuh nombor dua negara?*; Nor Azizan & Zarina (2015) *Migrasi antarabangsa dan keselamatan di Malaysia: daripada keperluan sosioekonomi kepada perspektif keselamatan*; Azizah (2005) bertajuk *Illegal immigrants and the state in Sabah: conflicting interests and the contest of will*; Salmie (2005) bertajuk *Pengurusan buruh asing di Sabah*; Azizah & Ubong (2005) bertajuk *Orang pelarian di Sabah*; Ramli et al. (2003) bertajuk *Pendatang Filipina di Sabah: satu pemerhatian dari sudut keselamatan*; Pillai (1992) bertajuk *People on the move: overview of recent immigration and emigration in Malaysia* dan lain-lain lagi. Hakikatnya, migrasi yang berlaku di Sabah tidak hanya tercakup dalam dua dimensi tersebut sahaja. Terdapat juga dimensi-dimensi migrasi lain yang turut berlaku antaranya migrasi golongan agamawan ke Sabah. Bentuk dimensi agamawan ini dapat dilihat dalam beberapa kajian seperti: Mohd Nur Hidayat Hasbollah (2021) bertajuk *Penghijrah Etnik: Diaspora Multi-Etnik Islam di Sabah*; Mohd Nur Hidayat Hasbollah et al. (2021) bertajuk *Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah*; Ibnor Azli et al. 2019 bertajuk *The Impact of Filipino Muslim Ethnic Migration into Sabah on ASEAN Integration*; Badlihisham & Rapihi (2009) bertajuk *Gagasan migrasi dakwah di kalangan pendatang Filipina di Kota Kinabalu, Sabah: satu tinjauan awal*; Farid & Anwar (2003) bertajuk *Pengenalan sejarah Kedatangan Islam ke Sabah*; Mohd Shaukhi et al. (2007) bertajuk *Masyarakat Arab (keturunan Syed) di Tawau, Sabah: tinjauan terhadap sejarah pertapanan dan sumbangan dari aspek sosial*; Muhiddin (1990) bertajuk *Islam di Sabah* dan lain-lain lagi. Migrasi agamawan yang berlaku tidak dapat dinafikan telah memberikan impak yang besar terutamanya dalam perkembangan peradaban Islam di Sabah. Namun, aspek ini kurang menjadi perhatian para pengkaji. Oleh itu, kajian ini akan membahaskan impak migrasi golongan agamawan terhadap perkembangan

pendidikan Islam di Sabah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual. Kajian mendapati migrasi agamawan ke Sabah telah memberikan impak yang signifikan bermula dengan penyebaran awal Islam ke Sabah itu sendiri, proses-proses dakwah yang sentiasa dijalankan sehingga menyumbang kepada peningkatan komposisi Islam sebagai kumpulan majoriti sekali gus memberikan peluang kepada pindaan perlembagaan negeri dengan menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri. Penetapan Islam sebagai agama rasmi negeri ini telah membuka ruang dan peluang yang lebih besar kepada pembangunan hal ehwal Islam dari segenap aspek sama ada politik, ekonomi, perundangan, sosial dan termasuklah pendidikan Islam. Hasilnya dapat dilihat pada masa kini, pendidikan Islam bagi komuniti Islam lebih baik berbanding sebelum dan di awal kemerdekaan. Ini menunjukkan bahawa migrasi golongan agamawan berupaya memberikan impak signifikan di tempat yang didatangi mereka dan aspek ini wajar untuk diterokai lagi untuk kajian-kajian akan datang.

### **Dimensi Migrasi di Sabah**

Sebelum membahaskan berkenaan dengan dimensi migrasi yang berlaku di Sabah, perkara pokok yang perlu diketengahkan terlebih dahulu adalah berkaitan dengan konsep dan definisi migrasi itu sendiri. Secara umumnya para sarjana bersetuju migrasi merujuk kepada satu perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain. Bagaimanapun, terdapat ciri-ciri lain tidak menjadi kesepakatan di kalangan para sarjana dalam pentakrifan migrasi. Menurut Clarke J.I (1965), migrasi sukar ditakrifkan secara spesifik untuk merangkumkan konsep migrasi yang sebenar. Hal ini kerana migrasi perlu kepada perincian berhubung dengan jarak, jenis sempadan, tempoh tinggal, tujuan perpindahan dan lain-lain lagi, yang mana setiap aspek tersebut mempunyai kriteria tertentu dan munasabah. Ini menyebabkan berlakunya perbezaan di kalangan sarjana dalam mendefinisikan migrasi.

Goldsheider (1971) dalam mendefinisikan migrasi menyatakan dua ciri yang perlu ada untuk dinamakan sebagai migrasi. Pertama pertukaran tempat tinggal dan kedua mempunyai niat untuk menetap. Oleh itu, bagi beliau migrasi adalah perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain dengan niat untuk menetap. Lee (1966) mendefinisikan migrasi secara lebih meluas iaitu pertukaran tempat tinggal secara kekal atau separa kekal, tidak terikat dengan jarak tertentu, dilakukan secara sukarela ataupun tidak dan tidak ada perbezaan antara migrasi dalam dengan migrasi luaran.

Week (1989) pula menjelaskan migrasi adalah satu perpindahan dari satu tempat ke tempat lain dengan melepassi sempadan politik sama ada sempadan sesebuah negeri, negara mahupun antarabangsa. Sekiranya perpindahan masih di dalam sempadan politik yang sama, maka ia dikira sebagai orang yang berpindah.

Selain daripada itu, terdapat sarjana yang mengambil kira kesan yang perlu ada kepada para penghijrah yang berpindah ke sesuatu tempat untuk dikira melakukan migrasi. Ini bermaksud suatu perpindahan dikira sebagai migrasi apabila destinasi yang didatangi memberi perubahan terhadap sistem sosial kepada penghijrah dan tempat destinasi tersebut. Ini seperti mana definisi yang dibuat oleh Eisenstadt (1953) bahawa migrasi ialah satu proses perpindahan fizikal dari sebuah masyarakat kepada masyarakat yang lain. Perpindahan ini biasanya melibatkan pengabaian daripada satu sistem sosial masyarakat lama kepada sistem sosial baru dan berbeza.

Menurut International Organization for Migration (IOM) migrasi merujuk kepada perpindahan seseorang atau sekumpulan manusia, sama ada melepas sempadan negara atau sekadar dalam negara. Ia meliputi segala bentuk pergerakan perpindahan dalam apa jua jarak, ruang dan sebab. Dimensi migrasi termasuklah pelarian, pelarian dalam negara, migran ekonomi dan sesiapa sahaja yang berpindah dengan apa-apa sebab seperti bekerja, berkahwin, menyambung pengajian dan penyatuan keluarga.

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, konsep dan definisi migrasi masih tidak mempunyai kesepakatan dalam kalangan sarjana. Bagaimanapun, dapat dirumuskan bahawa migrasi menekankan ciri perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain sama ada dengan melepas sempadan politik (negeri, negara mahupun antarabangsa), secara kekal ataupun secara sementara. Selain itu, migrasi juga mencakupi perubahan dari sudut sosio-budaya, yang mana migran cuba mengasimilasikan diri mereka dengan amalan dan budaya di tempat baru. Antara perubahan yang akan dihadapi oleh kumpulan migran ialah seperti majikan yang baru, jiran, sahabat dan sebagainya. Selain itu juga dapat difahami bahawa migrasi boleh berlaku disebabkan pelbagai faktor sekali gus membawa kepada dimensi-dimensi migrasi yang pelbagai.

### **Fenomena Migrasi di Sabah: Jenis & Faktor**

Migrasi manusia bukanlah satu perkara yang asing. Ia merupakan satu fenomena yang dihadapi oleh seluruh dunia sama ada negara maju, negara membangun dan negara mundur. Sabah yang merupakan salah satu daripada negeri dalam Malaysia turut berdepan dengan fenomena migrasi. Malah sekiranya dibandingkan, bincian penduduk yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, Sabah merupakan negeri yang mempunyai jumlah migrasi masuk tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

Hakikatnya migrasi telah pun berlaku di Sabah sejak zaman dahulu lagi. Migran-migran dari negara-negara jiran seperti Filipina, Indonesia, China, Pakistan, India, Arab Saudi, Yaman dan lain-lain telah berhijrah ke Sabah dengan pelbagai sebab. Kesannya paling ketara apabila migrasi telah membentuk kepelbagaian etnik, kaum dan budaya di Sabah seperti yang ada kini (Mazlan 1978).

Apabila membahaskan berkenaan fenomena migrasi di Sabah, terdapat beberapa dimensi ataupun jenis migrasi telah berlaku, iaitu:

#### **Migrasi Ekonomi**

Sebelum pembentukan sistem persempadanan, Sabah telah didatangi oleh migran ekonomi. Sabah yang kaya dengan sumber alam semula jadi seperti bahan laut, sarang burung, kapur, arang batu, mutiara, rotan dan lain-lain telah menarik ramai pedagang dari pelbagai negara untuk ke Sabah. Malah kedudukannya yang strategik menguatkan lagi Sabah menjadi tumpuan dan persinggahan para pedagang. Sabah pada ketika itu telah didatangi oleh pedagang dari China, Arab Saudi, Yaman, Filipina, Pakistan, Indonesia dan banyak lagi.

Selanjutnya kedatangan kumpulan penjajah juga tidak dinafikan atas faktor ekonomi. Usaha kumpulan penjajah untuk menguasai ekonomi Sabah jelas berlaku apabila Pulau Labuan jatuh kepada Mahkota Inggeris pada tahun 1846 dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1881 sehingga 1946. Bagi memaksimumkan ekonomi Sabah, SBBUB telah membuka tanaman ladang getah, kelapa, tembakau, kopi dan sektor perlombongan seperti

bijih timah dan emas serta pembukaan sektor perindustrian. Dalam usaha tersebut, SBBUB telah membawa masuk tenaga kerja asing untuk bekerja di Sabah. Terdapat ramai tenaga kerja dari pelbagai negara telah dibawa masuk oleh pihak SBBUB ke Sabah seperti China, India, Indonesia, Kepulauan Cocos (Keeling) dan sebagainya. Bagaimanapun majoriti tenaga kerja yang dibawa masuk adalah daripada China dan Indonesia.

Pengambilan tenaga kerja daripada China telah dilakukan pada tahun 1911. Mereka diperlukan untuk bekerja sebagai buruh di ladang-ladang tembakau. Mereka telah dibawa masuk melalui agen di Pulau Pinang dan Singapura dan ditempatkan di ladang-ladang tembakau di sekitar Sabah. Selain itu, terdapat juga orang-orang China yang terus dibawa masuk oleh majikan yang merasakan perbelanjaan melalui agen yang mahal. Selain bekerja di ladang, terdapat juga migran China yang berkecimpung sebagai peniaga, pekedai dan petani. Berikut merupakan bincian perkembangan kaum Cina dari tahun 1911 sehingga 1960 di Sabah.

Jadual 1: Banci Penduduk Kaum Cina di Sabah Tahun 1911-1960

Tahun	Jumlah	% Perbezaan
<b>1911</b>	27801	
<b>1921</b>	39356	+ 41.2
<b>1931</b>	50056	+ 27.5
<b>1951</b>	74374	+ 48.6
<b>1960</b>	104542	+ 40.6

Sumber: Lee Yong Leng (1982)

Selain itu, tenaga kerja Indonesia juga merupakan migran ekonomi terbesar di Sabah. SBBUB memerlukan mereka untuk bekerja di estet-estet sekitar Sabah. Kedatangan migran Indonesia pada era SBBUB sehingga tahun 1960 adalah seperti berikut:

Jadual 2: Banci Migran Indonesia di Sabah Tahun 1911- 1960

Tahun	Jumlah	% Perbezaan
<b>1891</b>	2232	
<b>1901</b>	3960	+ 77.4
<b>1911</b>	5510	+ 39.2
<b>1921</b>	11223	+ 103.68
<b>1931</b>	10014	- 10.77
<b>1951</b>	7961	- 20.50
<b>1960</b>	24784	+ 211.3

Sumber: Lee Yong Leng (1982)

Berdasarkan kepada jadual di atas, dari tahun 1891-1921 jumlah migran Indonesia di Sabah adalah sentiasa meningkat. Peningkatan tertinggi adalah pada tahun 1921. Ini kerana jumlah estet yang bertambah dan semakin besar amat memerlukan kepada tenaga kerja asing di samping pulangan perusahaan getah dan balak yang lumayan. Ini menunjukkan kemajuan dan perkembangan sektor estet tersebut mempengaruhi kemasukan mereka. Bagaimanapun pada tahun 1931 sehingga 1951 berlaku pengurangan dalam pengambilan tenaga kerja Indonesia. Hal ini kerana era 1930-an merupakan zaman kegawatan ekonomi global dan berlakunya perang dunia kedua. Ini menyebabkan berlakunya pembatasan dalam pengambilan tenaga buruh.

Setelah tahun 1951, keadaan ekonomi global yang semakin pulih ekoran penambahbaikan dan pemulihan kesan daripada perang, kemasukan migran Indonesia kembali meningkat. Selain daripada galakan pihak kerajaan, kedatangan mereka juga adalah secara sukarela demi mendapatkan pekerjaan.

Begitu juga ketika berlaku Perang Dunia ke-2, pihak-pihak yang bertelagah saling menguatkan kedudukan ekonomi masing-masing untuk menjadi yang terbaik berbanding yang lain. Atas sebab itu, Sabah yang mempunyai potensi menjana ekonomi turut menjadi pilihan penjajah Jepun dari tahun 1942 sehingga 1946. Di bawah pemerintahan Jepun, dasar pengambilan tenaga kerja asing turut dilakukan namun tidak serancak zaman SBBUB. Begitu juga semasa Sabah menjadi Tanah Jajahan British tahun 1946-1963, selain memulihkan keadaan Sabah kepada keadaan sebelum perang, pihak pemerintah juga menumpukan kepada penjanaan ekonomi bagi keuntungan mereka. Tenaga-tenaga kerja asing terus di bawa masuk bagi memaksimumkan produktiviti Sabah dalam pelbagai sektor ekonomi.

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan sehingga kini, migrasi ekonomi terus berlaku. Tahun 1970-an dan tahun 1980-an merupakan era paling pesat Sabah didatangi oleh migran ekonomi (Azizah 2005). Menurut Pillai (1992) pada tahun 1988, Sabah sahaja telah merekodkan sejumlah hampir 500,000 pendatang tanpa izin. Rekod tersebut diambil adalah berdasarkan daripada tinjauan yang dilakukan oleh kerajaan Sabah. Pada tahun tersebut dianggarkan seramai 335,500 orang merupakan pendatang Filipina dan 145,500 orang adalah pendatang Indonesia.

Pembangunan ekonomi Sabah yang berkembang pesat memaksa kepada keperluan tenaga kerja asing. Majoriti tenaga kerja asing di Sabah kini adalah daripada Filipina dan Indonesia. Bagaimanapun sukar untuk menentukan jumlah spesifik migran Filipina dan Indonesia kerana dihimpunkan dalam satu kumpulan bersama migran negara lain sebagai Bukan Warganegara. Selain itu sukar membezakan dalam kalangan mereka sebagai migran pelarian, pendatang asing tanpa izin (PATI), pendatang asing dengan izin dan sebagainya. Menurut Banci Penduduk dan Perumahan 2010, jumlah keseluruhan populasi Sabah adalah 3,206,742. Dari jumlah tersebut seramai 889,779 merupakan bukan warganegara. Ini bermaksud 28% daripada populasi Sabah terdiri daripada kumpulan migran.

Pada tahun 2014, Jabatan Tenaga Kerja Sabah merekodkan jumlah tenaga kerja Indonesia adalah seramai 52,181 dan Filipina 8441 dan lain-lain 458. Sehingga Februari 2016, dianggarkan bahawa untuk tenaga kerja Indonesia di Sabah adalah seramai 140,000 sehingga 200,000 (M. Rusman 2016). Menurut Salmie (2005) migran ekonomi di Sabah kini boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan iaitu:

- 1) Pekerja profesional dan teknikal (ekspatriat).
- 2) Pekerja asing separa mahir dan tidak mahir.
- 3) Pekerja asing tanpa dokumen sah.

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang tenaga kerja asing untuk bekerja di Sabah. Umpamanya ekonomi yang lebap dan peluang pekerjaan yang kurang akibat kepadatan penduduk, memaksa rakyat seperti dari Indonesia dan Filipina untuk bekerja di Sabah. Keadaan geografi yang dekat, adat dan budaya yang sama juga turut menjadi faktor. Sekiranya dibandingkan, sungguhpun upah tenaga kerja asing adalah rendah berbanding penduduk tempatan, namun ia adalah lebih tinggi berbanding di negara asal mereka. Mereka juga lebih

mudah mendapat pekerjaan kerana kurang persaingan apabila rakyat tempatan tidak berminat dengan sektor pekerjaan pertanian, perikanan, perlombongan, galian, perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan termasuklah pembantu rumah. Nilai mata wang yang tinggi juga memainkan peranan penting dan motivasi tinggi kepada golongan migran. Dengan upah yang diterima, ia dapat disalurkan kepada keluarga dan juga merupakan pendapatan negara mereka.

### Migrasi Agamawan

Menurut Muhammad Razak (2016) golongan agamawan ini dapat didefinisikan secara khusus dan juga umum. Secara khusus agamawan merujuk kepada “*mereka yang memiliki keahlian dalam bidang tertentu mengenai ilmu Islam yang amat luas. Mereka yang memiliki keahlian dalam pelbagai bidang ini dan memperoleh latihan asas dalam bidang pengajian Islam, sama ada secara formal atau tidak formal adalah tergolong sebagai agamawan. Manakala agamawan secara umum merujuk kepada semua lapisan masyarakat Islam yang memiliki kriteria antaranya, berfikrah Islam, memiliki dan menghayati akhlak dan keperibadian Islam, meyakini kesyumannan agama Islam sebagai sebuah sistem terbaik bagi urusan kehidupan serta mencintai agama dan berusaha dalam kadar keupayaannya untuk mengangkat kedudukan umat Islam pada peringkat negara dan antarabangsa*” . Oleh itu, agamawan yang dimaksudkan dalam kajian ini juga agak meluas iaitu merangkumi pendakwah, guru-guru dan pensyarah agama, pentadbir agama dan seumpamanya.

Seperti mana di tempat-tempat lain, peribumi Sabah juga pada asalnya tidak mempunyai sebarang agama (pagan) dan ada yang mengamalkan kepercayaan animisme. Selain menjadi tumpuan kedatangan migran ekonomi, Sabah juga turut didatangi oleh kumpulan agamawan. Malah dalam kalangan migran ekonomi (seperti para pedagang) itu juga terdapat yang beragama Islam, secara tidak langsung mengambil peluang menyebarkan Islam. Kehadiran para pendakwah sama ada Islam dan Kristian dan lain-lain telah menjadikan Sabah menerima pengaruh agama. Migrasi golongan agamawan ini dapat dilihat dalam beberapa peringkat iaitu sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan selepas kemerdekaan. Oleh sebab terdapat pelbagai agama yang ada, bahagian ini hanya akan membahaskan migrasi pendakwah Islam dan Kristian selaku agama terawal dan paling ramai dianuti oleh penduduk Sabah.

Sehingga kini, ahli sejarah berbeza pendapat berkenaan kedatangan Islam ke Sabah. Kedatangan Islam ke Sabah telah dikesan berlaku pada tahun 1300-an. Nama Sharif Awliya Karim al-Mahkdum seorang migran Arab merupakan individu yang berperanan membawa Islam ke Sabah. Beliau jelas merupakan seorang pendakwah kerana beliau juga merupakan tokoh pendakwah Islam yang dikenali dalam sejarah Islam di Sulu, Filipina. Kedatangan beliau telah mengislamkan peribumi Sabah pertama bernama Abdullah dari etnik Idahan di Lahad Datu (Muhiddin 1990).

Kristian juga merupakan agama terawal memasuki Sabah. Ia juga merupakan hasil kedatangan mubaligh migran ke Sabah. Terdapat catatan menyatakan mubaligh Kristian pertama sampai ke Borneo adalah Father Odoric iaitu seorang paderi Franciscan pada tahun 1332. Kemudiannya mubaligh dari Portugal, Tistao de Araujo, Jao da Veiga, Antonio Pereira, Father Antonio Ventimiglia dan lain-lain lagi. Mereka ini telah dihantar oleh badan dan pertubuhan Kristian antarabangsa. Perkara ini dapat dilihat seperti Antonio Ventimiglia yang dihantar atas arahan Theatine Mission. Hal ini ini telah dinyatakan oleh John Rooney: “...of more immediate concern to Borneo was the Theatine order, founded in 1524 by St. Cajetan, Gian Petro Caraffa (later Pope Paul IV) Paulo Chistleri and Bonifacio de Colli. Ther order was concerned

*originally with European missions and was closely associated with the Tridentine reform of Pope Plus IV*" (Ismail 2004).

Walau bagaimanapun, seorang mubaligh bernama Don Carlos Cuarteron telah dinamakan sebagai mubaligh terulung yang membawa Kristian ke Borneo (Ismail 1994). Sungguhpun terdapat pelbagai pendapat berkenaan tahun kemasukan Kristian, namun sukar untuk menyatakan tahun tertentu ekoran ia hanya menyebut kedatangan ke Borneo dan bukan secara spesifik ke Sabah. Ini berbeza dengan catatan yang spesifik menyatakan kedatangan Kristian ke Sabah iaitu pada tahun 1859. Ini menunjukkan kedatangan pengaruh Islam ke Sabah adalah lebih awal berbanding Kristian.

Pada period penjajahan SBBUB dan Jepun sekitar tahun 1881 sehingga 1946, terdapat beberapa nama tokoh-tokoh pendakwah migran yang berjasa dalam perkembangan dakwah Islam pada ketika itu. Peranan mereka sangat penting kerana pada ketika itu penjajah barat menumpukan kepada perkembangan agama Kristian. Para mubaligh antarabangsa telah dibawa masuk ke Sabah untuk menyebarkan Kristian. Dengan kedatangan mereka di samping bantuan dari pertubuhan Kristian antarabangsa seperti kemudahan kapal terbang, telah membantu penyebaran Kristian ke seluruh Sabah. Dengan adanya pendakwah Islam tersebut, penyebaran Islam terus berjalan walaupun tidak begitu rancak. Antara pendakwah tersebut adalah Ustaz Haji Zaini al-Palembangi, Imam Ahmad Mus Haji Ismail, Mandur Sharif, Tuanku Sayyid Muhammad bin Tuanku Sayyid Muhammad Shahbuddin dari Kedah, Haji Yaakub bin Haji Ali dari Kelantan, dan anaknya Tuan Haji Imam Suhaili bin Haji Yaakub, Habib Syeikh dan Habib Umar dari Yaman, Haji Ghulam Hasan dan Muhammad Alam dari Pakistan dan Hasan Kubro dari Arab Saudi dan lain-lain lagi (Farid & Anwar 2003).

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan, usaha untuk menyebarkan dan mengembangkan Islam lebih giat dilakukan. Ini kerana pemimpin-pemimpin Islam sedar akan keperluan untuk membangunkan peradaban Islam di Sabah dalam segenap aspek. Badan-badan Kerajaan seperti Majlis Agama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Badan Bukan Kerajaan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) telah memainkan peranan bagi tujuan tersebut. Bagi tujuan tersebut, badan-badan tersebut telah mendapatkan khidmat agamawan Islam dalam kalangan penduduk tempatan dan luar. Agamawan luar diambil daripada Filipina, Indonesia dan Semenanjung Malaysia. Selain itu, terdapat juga sebilangan kecil daripada Arab Saudi dan Maghribi (Matin 2017). Mereka diperlukan dalam pelbagai aspek pembangunan Islam sama ada pendidikan, ekonomi, sosial, perundangan, seni dan sebagainya.

Pada tahun 1974 contohnya seramai 18 orang agamawan daripada Indonesia telah dijemput oleh Kerajaan Negeri, malah jemputan tersebut khusus dibuat oleh mantan Ketua Menteri Tun Datu Mustapha Datu Harun. Tun Mustapha menjemput agamawan tersebut untuk berkhidmat di Sabah. 18 individu tersebut adalah Ustaz Aliyudin Kamidi, Haji Abd Khalik Masidin, Dr. Adnan Idris, Dr. Munir Siregar, Ustaz Muhd Nawawi Muhammad, Ustaz Mansuruddin Batubara, Ustaz Mutalib Endra, Ustaz Yakub Lubis, Ustaz Moktar Zainudin, Ustaz Ahmad Darbi Lubis, Ustaz Syafie Raja Duyut, Ustaz Iyen Atim, Ustaz Jalidar Abdul Rahim, Ustaz Ghazali Sulaiman, Ustaz Ahmad Zaini, Ustaz Yahya Arshad, Ustaz Syarian Syah dan Ustaz Haji Muchlis Ali Kasim (Muchlish 2016).

Begitu juga pada tahun 1980, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Mohd Harris Salleh turut mendapatkan khidmat tujuh orang lagi agamawan Indonesia. Mereka adalah Ustaz Hamdani, Ustaz Haji Mohd Mursal Mukhtar, Ustaz Sofwan, Ustaz Burhanuddin Sham, Ustaz Abdul Mukti Saubari, Ustaz Abdul Salam Rahidi dan Ustaz Yazid Abas (Mohd Mursal 2016). Mereka merupakan agamawan yang telah ditaja oleh Pertubuhan Islam Antarabangsa Bukan Kerajaan Rabitah al-Islami (Nurasnie 2012).

Selain itu, terdapat juga pendakwah Filipina yang telah berkhidmat di Sabah atas jemputan Tun Datu Mustapha iaitu Ustaz Abu Hurairah Abd Rahman dan Ustaz Leonardo Villar atau nama Islamnya Abdullah Mehdi. Ustaz Abu Hurairah pernah berkhidmat sebagai Pegawai Dakwah bagi USIA (Matin 2017).

Daripada semenanjung Malaysia pula, dianggarkan 300 orang guru agama telah dibawa masuk oleh USIA untuk berkhidmat di sekolah-sekolah di Sabah (Awang Sahari 1994). Selain itu, terdapat juga mereka dipanggil untuk mengisi jawatan-jawatan dalam institusi agama seperti Institusi Mufti, Mahkamah Syariah dan lain-lain lagi.

Apabila membahaskan berkenaan faktor berlakunya migrasi dakwah di Sabah, sudah tentu sebab utamanya adalah tuntutan agama itu sendiri agar ia dapat disebarluaskan ke seluruh dunia. Para pendakwah melaksanakan tanggungjawabnya untuk menyebarkan agama ke tempat-tempat yang belum dimasuki oleh agama sama ada Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain.

Dalam konteks Islam di Sabah, di awal kemasukannya juga adalah atas faktor tugas kewajipan menyampaikan dakwah seperti dilakukan oleh Syarif Awliya Karim al-Makhdum. Ketika era penjajahan, golongan agamawan terus datang ke Sabah bagi mengembangkan syiar Islam. Ketika kemerdekaan tercapai, para pemimpin sedar akan perlunya kedudukan Islam di Sabah diperkuuh dan diangkat ke kedudukan lebih tinggi. Untuk tujuan itu usaha dakwah perlu dilakukan bagi menjadikan Islam sebagai kumpulan majoriti. Usaha dakwah dan pengislaman telah dijalankan oleh para pemimpin dengan dibantu oleh agamawan tempatan dan luar. Rentetan daripada usaha dakwah yang meningkatkan komposisi orang-orang Islam daripada kumpulan minoriti kepada majoriti (termasuk komposisi Ahli Dewan Undangan Negeri Muslim yang telah mencapai 2/3), maka pada 23 September 1973 merupakan detik bersejarah apabila berlaku pindaan terhadap Perlembagaan Negeri Sabah Perkara 5(A) yang menyatakan: "*Islam adalah agama negeri, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni di mana-mana tempat dalam negeri*". Dengan pindaan tersebut, Islam telah diiktiraf sebagai agama rasmi negeri. Ia merupakan satu kemuncak kepada perkembangan peradaban Islam Sabah.

Dengan pindaan tersebut telah memberikan satu tapak yang kukuh kepada perkembangan Islam. Pindaan tersebut memberikan impak yang signifikan apabila kepentingan dan entiti-entiti hal-ehwal Islam dapat ditubuh dan dilaksanakan (Emin 2009: 93). Dalam erti kata lain, pindaan tersebut membuka ruang dalam pentadbiran negeri sama ada untuk menubuhkan, menyenggara, membantu, mengeluarkan perbelanjaan dan mengembangkan segenap entiti/institusi yang bertujuan untuk menghidupkan agama Islam di Sabah. Entiti-entiti tersebut adalah seperti penubuhan majlis agama, jabatan agama, mahkamah dan undang-undang syariah, pengurusan masjid dan surau yang lebih sistematik, pengurusan dakwah, pembangunan pendidikan Islam dan sebagainya.

Disebabkan golongan agamawan tempatan pada ketika itu adalah kurang, badan-badan Islam kerajaan seperti MUIS, JHEAINS dan institusi agama lain seperti mahkamah, masjid, sekolah dan lain-lain memerlukan kepada khidmat agamawan daripada luar. Dengan itu ia telah membuka peluang kepada golongan migran untuk berkhidmat di Sabah. Senario ini jelas menunjukkan peranan yang penting oleh migran agamawan terhadap perkembangan Islam di Sabah.

Selain itu tidak dinafikan terdapat juga migran yang datang pada asalnya atas faktor ekonomi atau sosial (melawat keluarga yang sedia ada) di Sabah. Namun mengambil peluang menjadi pendakwah apabila USIA dan MUIS yang kekurangan pendakwah (telah membuka peluang bagi mendapatkan khidmat pendakwah tambahan). Malah tidak dinafikan juga minat mereka yang mendalam dengan dakwah Islam menjadi faktor untuk mereka berkecimpung dengan usaha dakwah di Sabah.

Antara pendakwah persendirian tersebut adalah Ustaz Jamiatul Ikhwan, Ustaz Awaluddin Nasution dan Ustaz Masduki Umar. Pada mulanya Ustaz Jamiatul Ikhwan yang berbangsa Jawa datang ke Tawau adalah untuk melawat ahli keluarganya. USIA Tawau ketika itu telah mengiklankan keperluan kepada pendakwah. Peluang ini diambil oleh Ustaz Jamiatul untuk berkhidmat kepada USIA. Begitu juga Ustaz Awaluddin Nasution yang berbangsa Mandailing turut mengambil peluang menjadi pendakwah walaupun faktor kedadangannya adalah untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik dari negara asal. Ustaz Masduki Umar pula yang berbangsa Jawa datang ke Sabah adalah untuk menjadi pendakwah. Untuk itu beliau telah memohon bantuan rakannya iaitu Ustaz Suharto yang sedia aktif dalam USIA. Beliau telah mencadangkan kepada USIA Kota Kinabalu untuk mengambil Ustaz Masduki Umar menjadi pendakwah USIA (Nurasnie 2012). Sehingga kini tahun 2017, ketiga-tiga pendakwah ini masih lagi berkhidmat kepada USIA dan telah pun menjadi warganegara Malaysia (Matin 2017).

Pada masa kini, masih lagi dapat dilihat khidmat migran agamawan di Sabah walaupun tidak dalam jumlah yang besar sama ada dalam badan kerajaan maupun bukan kerajaan. Selain itu, Sabah terus dihadiri oleh para pendakwah bebas dari pelbagai negeri dan negara. Secara tidak langsung, jelas peranan mereka dalam usaha membantu kekurangan agamawan tempatan sekali gus menyumbang kepada perkembangan Islam di Sabah.

### **Migrasi Pelarian**

Krisis dan pergolakan politik merupakan salah satu faktor yang menyebabkan fenomena migrasi pelarian berlaku. Dalam konteks Sabah, migrasi pelarian telah berlaku pada tahun 1970-an apabila puluhan ribu malahan ratusan ribu rakyat selatan Filipina melarikan diri ke Sabah. Presiden Filipina pada ketika itu Ferdinand E. Marcos telah mengisyiharkan perintah darurat yang membawa kepada pertempuran besar antara Armed Forces of the Philippines (AFP) dengan penduduk selatan Filipina yang diterajui oleh kumpulan Moro Nationalist Liberation Front (MNLF). Pertempuran tersebut telah menyebabkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa yang tinggi. Oleh sebab itu, berlaku gelombang migrasi besar-besaran warga selatan Filipina ke Sabah. Kebanyakan mereka adalah berasal dari Tawi-tawi dan Pulau Jolo. Mereka merupakan etnik Bajau, Suluk, Basilan dan Visaya yang majoritinya beragama Islam.

Tidak terdapat jumlah yang tepat berkenaan jumlah migran Filipina yang terlibat dengan migrasi pelarian ini. Dianggarkan bahawa terdapat lebih kurang 70,000 sehingga 90,000 orang migran pelarian telah memasuki Sabah pada ketika itu (Wan Shawaluddin & Ramli 2013).

Dianggarkan juga dari tahun 1970-an sehingga 1980-an terdapat seramai 73,000 sehingga 150,000 orang migran pelarian telah berada di Sabah (Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah 2014).

Selepas tahun 1980-an dan selepas pergolakan Selatan Filipina mencapai keamanan pada tahun 1996, Sabah terus didatangi oleh migran Filipina. Ini menjadikan mereka telah hampir tiga dekad berada di Sabah (Azizah & Ubong 2005). Jumlah mereka yang sepatutnya berkurang tidak berlaku sebaliknya semakin bertambah. Bagaimanapun sejak tahun 1980-an mereka yang datang tidak lagi dianggap sebagai migran pelarian sebaliknya migran ekonomi. Seperti mana pendatang asing yang lain, jumlah sebenar mereka di Sabah kini sukar untuk ditentukan. Ini kerana mereka telah dikategorikan dengan pelbagai kategori sama ada warganegara, bukan warganegara, pendatang asing tanpa izin (PATI) dan sebagainya.

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, terdapat beberapa dimensi migrasi yang berlaku di Sabah. Setiap dimensi tersebut memberikan kesan yang berbeza terhadap Sabah. Bagaimanapun, untuk perbincangan seterusnya kajian ini hanya akan membahaskan berkenaan impak migrasi agamawan terhadap perkembangan pendidikan Islam sahaja.

### **Migrasi Agamawan dan Impaknya Terhadap Perkembangan Pendidikan Islam di Sabah**

Sebelum kemasukan pengaruh agama, pendidikan masyarakat Sabah adalah tertumpu kepada perkara-perkara praktikal yang dilakukan sehari-hari. Pendidikan pada ketika itu merupakan ajaran turun temurun yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi. Boleh dikatakan pada ketika itu, pendidikan yang ada hanyalah menumpukan kepada perkara yang perlu dilakukan bagi meneruskan kehidupan sahaja. Umpamanya bersawah, menangkap ikan, menternak, menganyam, berburu, memungut hasil hutan dan sebagainya. Selain itu, majoriti masyarakat Sabah pada ketika itu juga mengamalkan kepercayaan animisme. Oleh itu, pendidikan mereka juga merangkumi berkenaan adat, budaya, kepercayaan dan pantang larang yang disampaikan dari satu generasi ke satu generasi. Ini bukan sahaja bertujuan menjaga kepercayaan tetapi juga menjaga identiti masyarakat Sabah yang terdiri dari pelbagai etnik.

Pendidikan Islam di Sabah telah bermula seiring dengan kedatangan dan proses dakwah Islam. Di awal kedatangan Islam, pendidikan Islam disampaikan secara langsung oleh para pendakwah kepada masyarakat Sabah. Selain itu, terdapat juga kumpulan pedagang Islam mengambil peluang untuk menyebarkan dakwah Islam ketika menjalankan urusan perdagangan. Berbekalkan kepada ilmu yang diterima daripada pendakwah, pendidikan Islam selanjutnya disampaikan melalui usaha dan inisiatif masing-masing. Pendidikan Islam disampaikan kepada pihak terdekat seperti keluarga dan saudara mara. Selepas itu, pendidikan Islam beralih kepada sistem berkelompok. Mereka yang ingin belajar seperti kanak-kanak akan dikumpulkan dan diserahkan kepada seorang guru tertentu untuk mengajar di suatu tempat atau kampung tertentu. Pembelajaran juga dilakukan sama ada di masjid, surau atau di rumah-rumah guru agama tersebut. Mereka mempelajari ilmu-ilmu asas agama merangkumi membaca al-Quran, Jawi, Akidah, Syariah, Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Daripada kalangan inilah bermulanya pendidikan Islam dan melahirkan imam-imam atau ketua-ketua agama di kampung-kampung (Anonymous 1981).

Pada zaman penjajahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) tahun 1881-1942, sistem pendidikan moden mulai diperkenalkan. Pihak SBBUB mulai memperkenalkan dan

menubuhkan sistem persekolahan. Terdapat banyak dan pelbagai sekolah telah dibuka oleh pihak SBBUB. Penubuhan sekolah formal di Sabah telah dipelopori oleh badan-badan Kristian. Ia merangkumi penubuhan tadika, sekolah rendah dan menengah. Penubuhan sekolah formal yang pertama bermula di Sandakan pada tahun 1883 dengan tertubuhnya Sekolah Rendah St. Mary. Ia merupakan sekolah rendah Kristian pertama di Sabah yang ditubuhkan oleh Gereja Katolik. Selanjutnya sekolah terus dibuka oleh badan-badan Kristian lain sama ada Anglican, Basel, Seventh Day Adventist dan Mill Hill (Mohd Nor 1978). Kesannya semakin banyak sekolah Kristian dibuka di seluruh Sabah iaitu di Kudat (1890), Kota Kinabalu (1903), Beaufort (1910), Tenom (1912), Inanam (1914), Pinangsoo (1915), Tawau (1917), Papar (1922), Telipok (1927), Menggatal (1930), Temalang (1933), Tongod di Kinabatangan (1958), Lahad Datu, Sikuati, Dumpirit (1959) dan lain-lain lagi (Ismail 1997). Antara subjek yang diajar adalah membaca, menulis dan mengira. Namun yang menjadi keutamaannya adalah pengetahuan agama Kristian.

Sekolah Tadika Kristian pertama pula dibuka lewat berbanding sekolah rendah iaitu pada tahun 1922 di Tawau. Selanjutnya pada tahun 1923, sebuah lagi sekolah tadika di Sandakan dibuka yang dikenali sebagai Sekolah Tadika Sin Hwa. Antara tahun 1922-1945, terdapat lima buah tadika telah direkodkan iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Selain badan-badan Kristian, sekolah-sekolah ini juga telah ditubuhkan dan dikendalikan oleh orang-orang Cina. Bagi sekolah menengah pula, sehingga tahun 1960, sebanyak 16 buah sekolah menengah Kristian terdapat di seluruh Sabah. Di peringkat sekolah menengah pendidikan Kristian dan moral telah dipertingkatkan di samping subjek matematik, kesihatan, sukan dan aktiviti kurikulum. Selain daripada sekolah biasa, badan-badan Kristian juga telah membina sekolah berasrama di seluruh Sabah. Objektif penubuhan sekolah berasrama ini adalah melatih guru-guru, mualigh Kristian dan pembantu-pembantu paderi bagi menyebarkan Kristian ke seluruh Borneo (Ismail 1997).

Perkembangan sekolah Kristian adalah agak pesat apabila pada tahun 1940 daripada 27 buah sekolah meningkat kepada 43 buah pada tahun 1946. Seterusnya angka tersebut meningkat kepada 121 buah pada tahun 1963. Peningkatan ini adalah disebabkan galakan pemerintah di samping mendapat bantuan dana termasuk badan-badan Kristian antarabangsa. Pelajar-pelajar di sekolah ini terdiri dari pelbagai etnik termasuk Cina. Bagi masyarakat Islam pula adalah minoriti. Majoritinya beragama Kristian dan tidak beragama. Adapun tenaga pengajar adalah daripada Eropah dan China (Ismail 1997; Siti Aidah 2007).

Di sebalik kerancakan pendidikan Kristian, pendidikan Islam pula masih lagi dijalankan secara tradisional menumpukan kepada ilmu-ilmu asas agama. Pendidikan Islam masih disampaikan di surau, masjid dan rumah-rumah guru agama. Walaupun madrasah pada ketika itu juga wujud, namun jumlahnya amat terhad malah tidak berdaftar kerana dibuka atas inisiatif penduduk tempatan. Hal ini kerana dasar SBBUB yang menumpukan kepada perkembangan pendidikan Kristian. Sungguh pun kemasukan Islam adalah lebih awal berbanding Kristian, namun perkembangan pendidikan Islam pada ketika itu agak perlahan. Selain itu, jumlah masjid dan surau-surau yang agak kurang pada ketika itu turut menjadi satu kekangan untuk proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dilaksanakan secara berpusat (Anonymous 1981). Aktiviti '*follow up*' saudara baru dari satu tempat ke satu tempat sukar dijalankan kerana faktor sistem perhubungan jalan raya yang terhad dan kekurangan tenaga pendakwah. Ini menyukarkan umat Islam termasuk mereka yang baru menganut Islam untuk mendapatkan pendidikan yang hanya dapat diperoleh di masjid-masjid dan surau-surau.

Majoriti guru agama pada ketika itu terdiri daripada orang Arab, Indonesia, Filipina, Pakistan, Yaman, semenanjung Malaysia dan lain-lain lagi. Setelah beberapa tahun berlalu, terdapat juga golongan agamawan tempatan yang mengajar. Bagaimanapun, jumlahnya amat sedikit dan hanya mengajar perkara-perkara asas agama sahaja.

Kelompangan pendidikan Islam ini berlarutan sehingga penjajahan Jepun. Ketika Jepun memerintah tahun 1942-1945, dasar "Penjepunan" pula dilakukan. Dari sudut pendidikan, masyarakat Sabah dikerah untuk mempelajari segenap perkara mengenai Jepun sama ada bahasa, tulisan dan lain-lain. Sekolah-sekolah yang dibuka pada zaman SBBUB telah ditutup kerana sikap anti Jepun terhadap orang-orang Barat. Dasar pendidikan Jepun melarang keras penggunaan bahasa Inggeris dan Cina di sekolah dan membakar semua buku-buku rujukan berbahasa Inggeris dan Cina (Dayu 2013). Bagaimanapun, bagi mendapat sokongan penduduk tempatan, sekolah-sekolah Melayu masih dikekalkan namun tidak dipelihara (Mohd Nor 1978). Di samping penggunaan bahasa Melayu, pelajar-pelajar ditekankan juga untuk mempelajari bahasa Jepun, menggunakan kurikulum, jadual dan takwim-takwim sekolah Jepun.

Apabila Jepun menyerah kalah, Sabah telah diletakkan sebagai Tanah Jajahan Mahkota British bermula tahun 1946. Dalam tempoh ini, mereka cuba memulihkan keadaan Sabah seperti sebelum perang dalam segenap aspek termasuk pendidikan. Ini juga bermaksud dasar pendidikan yang dilaksanakan pada zaman SBBUB diteruskan. Sekolah-sekolah mubaligh Kristian, sekolah Cina dan lain-lain dipulihkan semula. Selain itu mereka juga menumpukan kepada pendidikan pertanian bagi memulihkan semula sumber makanan yang terbengkalai akibat perang. Mereka mempelajari cara bercucuk tanam, menganyam dan bertukang. Dalam konteks pendidikan Islam pula, ia masih lagi terkebelakang seperti mana sebelumnya.

Pada ambang kemerdekaan terdapat usaha untuk mengangkat kedudukan pendidikan Islam dengan menubuhkan sekolah-sekolah beraliran agama. Contohnya pada Ogos 1956 telah ditubuhkan Madrasah al-Tudiniyyah di Kg Buang Sayang Papar. Ia diasaskan oleh Datuk Hj. Salleh Hj. Ibrahim. Guru terawal madrasah tersebut adalah Tuan Hj. Ghani, Tuan Hj. Yahya dan Imam Hj. Imran Ahmad (Najion 2010). Murid-muridnya bukan sahaja datang daripada Papar, tetapi daripada Ranau, Kota Belud dan lain-lain lagi. Madrasah ini dipercayai telah melahirkan imam dan guru agama tempatan di awal kemerdekaan. Kesannya, ia menjadi pemacu kepada pembukaan sekolah-sekolah agama selepas itu. Sekolah Agama Islamiyyah Papar yang ada pada hari ini merupakan legasi kepada madrasah tersebut. Pada tahun 1959 sebuah lagi madrasah telah ditubuhkan iaitu Madrasah Tahzibiyah bagi peringkat rendah dan dewasa di sekitar Putatan dan Kota Kinabalu. Ia telah ditubuhkan oleh Persatuan Islam Putatan (PIP) (Suzanah 2012). Dengan adanya ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada perkembangan pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat tempatan.

Selepas kemerdekaan, badan terawal mentadbir pendidikan penduduk Sabah adalah Yayasan Sabah yang ditubuhkan pada 4 Mei 1966. Bagaimanapun ia tidak secara khusus ditubuhkan untuk memberikan tumpuan kepada pentadbiran pendidikan Islam. Pentadbiran Pendidikan Islam secara formal dan khusus bermula apabila Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) ditubuhkan pada tahun 1969. Pada ketika itu USIA mempunyai sebuah unit yang dikenali sebagai Badan Persekolahan. Badan ini yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal pendidikan Islam di Sabah. USIA mengambil peranan tersebut bukan sahaja bagi menginstitusikan pendidikan Islam yang sukar dilaksanakan zaman penjajahan, namun sebagai medium bagi

saudara baru yang semakin meningkat jumlahnya untuk mempelajari Islam. Sebagai langkah awal, pada tahun 1970, USIA telah mengambil alih sebanyak 68 buah madrasah, sekolah-sekolah agama rakyat rendah dan menengah yang sedia ada. Sukatan pelajaran yang diguna pakai adalah daripada sukanan pelajaran Majlis Agama Islam Johor (Hamdan 2013). Dari segi tenaga pengajar pula, USIA telah mendapatkan seramai 400 orang guru agama. 300 orang daripada semenanjung Malaysia dan 100 orang tempatan (Awang Sahari 1994). Jumlah pengambilan guru agama yang ramai daripada luar Sabah, menunjukkan keperluan dan peranan mereka yang amat signifikan kepada perkembangan pendidikan Islam Sabah.

Pada tahun 1971, selepas Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) ditubuhkan, hal ehwal pendidikan Islam telah diserahkan sepenuhnya kepada MUIS. Guru-guru yang berkhidmat di bawah USIA turut dipindahkan ke MUIS. Selain itu, MUIS juga telah mendapatkan khidmat tenaga pengajar daripada luar negeri. Bermula daripada itu, MUIS mulai mendapatkan tenaga pengajar daripada Indonesia. Seperti mana yang dijelaskan sebelum ini, pada tahun 1974, seramai 18 orang guru dari Medan Indonesia telah diambil untuk berkhidmat di sekolah-sekolah agama seluruh Sabah (Muchlish 2016). Begitu juga pada tahun 1980 pula, seramai tujuh orang lagi guru dari Indonesia dijemput untuk berkhidmat kepada MUIS (Mursal 2016).

Sehingga tahun 1975, terdapat 62 buah sekolah agama telah ditubuhkan dengan guru seramai 749 orang. Pada tahun 1978, guru-guru MUIS menurun kepada 468 orang dan pada tahun 1987 menurun kepada 415 orang. Penurunan jumlah guru MUIS ini adalah kerana sebahagian mereka telah diserap menjadi guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bermula pada tahun 1978 lagi (Saif 1993).

Pada tahun 1977, subjek Pendidikan Islam mulai diperkenalkan (Pendidikan Islam sebenarnya telah sedia ada di Sekolah-sekolah kerajaan dan Bantuan Kerajaan sebelum tahun 1977 lagi. Namun pentadbiran guru-guru agama termasuk pembayaran gaji mereka adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Sabah (MUIS). Ini berbeza dengan guru-guru lain yang bukan mengajar bidang agama. Mereka ditadbir dan dibayar gaji mereka melalui Jabatan Pendidikan Negeri) di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di Sabah apabila Akta Pelajaran 1961 di semenanjung Malaysia diperluaskan ke Sabah (Zainal Abidin 1993). Ia berikutan dengan penyeragaman kurikulum sekolah yang dilakukan di peringkat persekutuan. Dengan demikian pendidikan Islam bukan sahaja diajar di sekolah-sekolah agama kelolaan MUIS, malah di sekolah kebangsaan. Di samping itu juga, bilangan guru-guru agama juga turut ditambah dan kebanyakannya adalah dari semenanjung Malaysia (Johari 1983). Pada tahun 1984, guru-guru agama seluruh Sabah yang terdiri dari guru MUIS dan KPM adalah seramai 925 orang (Zainal Abidin 1993).

MUIS juga turut memainkan peranan dalam usaha menjaga golongan saudara baru yang semakin meningkat. MUIS telah membina beberapa buah Pusat Latihan Dakwah (PLD). Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) merupakan pusat latihan dakwah Islam pertama dibuka iaitu pada tahun 1979. Mulai tahun 1984, pentadbiran dan pengurusan pusat latihan tersebut tidak lagi terletak di bawah MUIS sebaliknya telah diserahkan kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) yang kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sehingga kini, sebanyak 4 buah pusat latihan dakwah Islam telah dibuka iaitu Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) iaitu nama baru bagi Pusat Latihan Dakwah Keningau, Pusat Latihan Dakwah Kudat, Pusat Latihan Islam Lahad Datu dan Pusat Latihan Islam Kundasang. Sungguhpun pada asalnya pusat latihan tersebut ditubuhkan bagi membimbing

golongan saudara baru, namun ekoran orang Islam asal turut tercicir daripada pendidikan agama, akhirnya pusat-pusat ini turut dibuka untuk semua belia Islam (Mohd. Abidin & Roziah 2003). Tenaga pengajar pula adalah terdiri daripada orang-orang tempatan dan semenanjung Malaysia (Suraya 2013). Sejak ditubuhkan pada tahun 1979 sehingga tahun 2015, terdapat lebih 6000 pelatih telah berjaya menamatkan pengajian. Seramai 5180 merupakan lepasan IPDAS dan 1726 orang lepasan PLD Kudat (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah t.th). Penubuhan institusi ini menunjukkan satu lagi perkembangan pendidikan Islam bagi saudara baru yang tidak ada pada sebelum dan di awal kemerdekaan Sabah.

Pada tahun 1991, MUIS telah memperkenalkan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1991. Enakmen ini merangkumi beberapa bahagian yang menyentuh perkara-perkara yang perlu diikuti dan dilakukan sebelum pembukaan dan semasa persekolahan dijalankan seperti Pendaftaran dan Timbalan-timbalan Pendaftar, Lembaga Pengurusan, Pendaftaran Sekolah-sekolah Agama dan Nazir Sekolah Agama Islam. Dengan adanya enakmen ini dapat menjadikan pentadbiran dan pengurusan sesebuah sekolah agama menjadi lebih sistematik dan teratur.

Pendidikan Islam di Sabah melonjak ke satu peringkat lagi apabila MUIS telah menubuhkan Institusi Pengajian Tinggi Agama pertamanya iaitu Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat pada tahun 1995 yang memulakan pengajiannya pada Januari tahun 1996. Ia menawarkan program pengajian di peringkat sijil dan diploma. Silibus yang diguna pakai adalah mengikut kepada silibus yang digunakan di Darul Quran, Selangor kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dengan adanya maahad ini, mereka yang berminat berpeluang menimba ilmu di negeri sendiri tanpa perlu ke luar negeri yang jelas memerlukan kos yang lebih tinggi. Pada awal penubuhannya, tenaga pengajar juga terdiri daripada orang tempatan dan luar negeri. Antara guru-guru terawal ketika Maahad Tahfiz Negeri Sabah dibuka adalah Ustaz Haji Asmali Bachi, Ustaz Pajuddin Nordin, Ustaz Haji Muchlis Sitanggang Ali Kassim (Indonesia), Ustaz Abu Bakar Omar (Melaka), Ustaz Zaidi Edward (Sarawak) dan Ustaz Ghazali Sulaiman (Indonesia). Pada tahun 1996, kumpulan pelajar pertama yang mendaftar hanyalah seramai 5 orang sahaja. Pada tahun 2008, direkodkan pelajar yang telah bergraduasi dari maahad ini adalah seramai 50 orang. Pada tahun 2012, jumlah pelajar yang berdaftar adalah seramai 42 orang. Pada tahun yang sama, seramai 60 pelajar telah bergraduasi dari maahad tersebut (Ahmad 2012). Pada tahun 2014 pula, seramai 17 orang telah bergraduasi dari maahad tersebut (Anonymous 2014). Dengan adanya maahad ini, ia dapat menyumbang melahirkan golongan hafiz dan hafizah di negeri Sabah ini yang setanding dengan graduan dari institusi di negeri-negeri lain di Malaysia.

Apabila Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) ditubuhkan pada tahun 1996, hal ehwal pendidikan Islam MUIS telah diserahkan sepenuhnya kepada JHEAINS. Selain menjalankan fungsi dan peranan yang sedia ada, JHEAINS juga telah menambah baik pentadbiran pendidikan Islam di Sabah. Sehingga tahun 2015, sekolah-sekolah yang terletak di bawah kelolaan JHEAINS terdiri daripada:

- 1) Sekolah Tadika Islam JHEAINS
- 2) Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) JHEAINS
- 3) Sekolah Rendah Agama Negeri (SRAN) JHEAINS
- 4) Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) JHEAINS
- 5) Maahad Tahfiz Negeri Sabah.

Pada tahun 2001, daripada 1801 kakitangan JHEAINS, jumlah guru bagi keseluruhan sekolah JHEAINS adalah 698 orang. Selanjutnya bilangan sekolah dan institut, pelajar dan guru JHEAINS sehingga tahun 2015 dapat dilihat perkembangannya seperti jadual di bawah:

Jadual 3: Statistik bilangan sekolah, pelajar dan guru tadika JHEAINS

	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>Bil. Sekolah</b>	14	14
<b>Bil. Pelajar</b>	824	811
<b>Bil. Guru</b>	37	39

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Jadual 4: Statistik bilangan sekolah, pelajar dan guru Sekolah Agama Rakyat JHEAINS (SAR)

	<b>2009</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>Bil. Sekolah</b>	78	109	118
<b>Bil. Pelajar</b>	12997	19150	18183
<b>Bil. Guru</b>	415	825	893

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Jadual 5: Statistik bilangan sekolah, pelajar dan guru Sekolah Agama Negeri JHEAINS (SAN)

	<b>2009</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>Bil Sekolah</b>	101	104	104
<b>Bil Pelajar</b>	20791	22934	20488
<b>Bil Guru</b>	565	775	709

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Jadual 6: Statistik bilangan sekolah, pelajar dan guru Sekolah Menengah Agama Negeri JHEAINS (SMAN)

	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>Bil. Sekolah</b>	5	5	5	6	6
<b>Bil Pelajar</b>	1000	TD	TD	1371	1420
<b>Bil Guru</b>	TD*	TD	TD	116	122

\*TD: Tiada Data

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Jadual 7: Statistik bilangan institusi, pelajar dan guru Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat JHEAINS

	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>Bil. Institusi</b>	1	1
<b>Bil. Pelajar</b>	68	80
<b>Bil. Guru</b>	10	12

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Berdasarkan kepada rajah-rajah di atas, dapat dilihat bahawa pertumbuhan sekolah-sekolah agama mempunyai peningkatan dari tahun ke tahun walaupun dalam angka yang kecil. Tidak dinafikan juga terdapat pengurangan sekolah berlaku. Ini kerana beberapa sekolah terpaksa ditutup disebabkan beberapa faktor seperti menggabungkan dua sekolah yang berdekatan,

pertukaran status sekolah dan lain-lain lagi. Dari segi jumlah pelajar, ia jelas menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Dengan penubuhan sekolah yang banyak, tidak berat juga dikatakan bahawa penduduk yang tinggal di pedalaman telah mendapat akses kepada pendidikan Islam.

Bagi SRAR dan SRAN, kurikulum yang diajar kepada pelajar adalah mengikut kepada silibus yang ditetapkan oleh JHEAINS. Mereka diwajibkan mengambil peperiksaan darjah 6 iaitu Sijil Rendah Agama (SRU) yang akan digunakan bagi mereka melanjutkan pengajian di peringkat menengah di sekolah SMAN. Antara mata pelajaran yang disediakan adalah Fiqah, Tauhid, Akhlak, Sejarah, Bahasa Arab, Khat, Imlak, al-Quran, Tafsir dan lain-lain lagi.

Bagi SMAN, kurikulum yang diajar kepada pelajar merangkumi dua aliran iaitu agama dan akademik. Subjek-subjek akademik adalah sama seperti mana yang diambil di sekolah-sekolah kerajaan seperti Matematik, Sains, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Ekonomi, Perdagangan dan lain-lain lagi. Subjek-subjek agama pula menggunakan pakai silibus daripada Universiti al-Azhar, Mesir. Antara subjek yang diajar adalah Nahu dan Saraf, Balaghah, Hadis, Tafsir, Khat, Mantik, Hafazan al-Quran, Fiqh dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian sepanjang menjadi pelajar di SMAN, mereka akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang kemudiannya diganti dengan Penilaian Tahap Rendah 3 (PT3) ketika tingkatan tiga, Sijil Menengah Agama (SMU) tingkatan empat, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tingkatan lima dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tingkatan enam. Dengan kelayakan STAM mereka boleh menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di dalam dan di luar negara.

Secara keseluruhannya, pendidikan Islam yang dikelolakan di bawah JHEAINS menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Ia boleh dilihat melalui perbandingan berikut bagi tahun 1978 dan 2015:

Jadual 8: Perbandingan statistik bilangan sekolah, pelajar dan guru kelolaan MUIS/JHEAINS tahun 1978 dengan tahun 2015.

	<b>1978</b>	<b>2015</b>	<b>% (Peningkatan/Penurunan)</b>
<b>Bil. Sekolah &amp; Institut</b>	104	243	Peningkatan 134%
<b>Bil. Pelajar</b>	13194	40982	Peningkatan 211%
<b>Bil. Guru</b>	415	1775	Peningkatan 328 %

(Sumber: Saif 1993; JHEAINS)

Berdasarkan kepada Rajah 4.9 di atas, menunjukkan terdapatnya peningkatan bilangan sekolah, pelajar dan guru yang agak menggalakkan. Menurut Hamdan (2013), pada awal kemerdekaan dan sebelum penubuhan USIA pada tahun 1969, jumlah sekolah agama seluruh Sabah hanyalah 11 buah sahaja. Setelah tertubuhnya USIA dan MUIS, angka tersebut semakin meningkat. Pada tahun 1978 bilangan sekolah agama di seluruh Sabah adalah berjumlah 104 buah. Selepas 37 tahun iaitu pada tahun 2015, angka ini terus meningkat kepada 243 buah. Penubuhan sekolah-sekolah agama kelolaan MUIS/JHEAINS telah meliputi pelbagai peringkat sama ada sekolah tadika, rendah, menengah, institut pengajian tinggi. Selama 37 tahun bilangan sekolah dan institut telah menunjukkan peningkatan 134%. Begitu juga dari segi kemasukan pelajar. Perbandingan peningkatan kemasukan pelajar adalah 211%. Dari aspek jumlah guru pula, walaupun menunjukkan peningkatan namun hakikat sebenarnya ia masih tidak mencukupi kerana tidak seimbang dengan jumlah pelajar. Masalah kekurangan

guru agama di Sabah telah berlaku sejak kemerdekaan lagi dan berlarutan sehingga kini. Malah disifatkan kekurangan guru agama di Sabah berada dalam keadaan kritisikal (KOSMO 2015). Menurut analisa yang dilakukan oleh JHEAINS, keperluan sebenar guru tidak pernah seimbang berdasarkan kepada norma satu guru bagi satu kelas. JHEAINS masih menggunakan khidmat tenaga pengajar dari luar Sabah bagaimana pun jumlahnya agak kecil. Menurut rekod yang dikeluarkan oleh Bahagian Pentadbiran JHEAINS, daripada keseluruhan kakitangan JHEAINS seramai 1364 orang, guru agama JHEAINS sahaja seramai 515 orang, hanya terdapat 5 orang sahaja tenaga pengajar luar iaitu dua orang guru semenanjung dan 3 orang guru Indonesia. Selain itu, sekolah-sekolah JHEAINS juga menggunakan khidmat guru-guru tajaan agensi dan luar seperti guru tajaan Pusat Zakat Sabah, guru KAFA JAKIM dan guru sukarela. Guru-guru JHEAINS juga terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan akademik dari dalam dan luar negara.

### Kesimpulan

Migrasi agamawan ke Sabah telah memberikan impak yang signifikan terhadap perkembangan peradaban Islam di Sabah. Impak tersebut hakikatnya dapat dilihat dalam pelbagai aspek sama ada politik, ekonomi, sosial, perundangan dan termasuklah fokus kajian ini iaitu pendidikan Islam. Impak migrasi agamawan terhadap perkembangan pendidikan Islam di Sabah dapat dilihat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Ia bermula dengan penyebaran awal pengaruh Islam itu sendiri ke Sabah melalui golongan migran. Selanjutnya, proses-proses dakwah yang sentiasa dijalankan (oleh agamawan tempatan mahu pun luar) telah menyumbang kepada perubahan komposisi Islam daripada kumpulan minoriti kepada majoriti. Sekali gus telah memberikan peluang kepada pindaan perlembagaan negeri dengan menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri. Penetapan Islam sebagai agama rasmi negeri ini telah membuka ruang dan peluang yang lebih besar kepada pembangunan hal ehwal Islam dari segenap aspek sama ada politik, ekonomi, perundangan, sosial dan termasuklah pendidikan Islam. Hasilnya dapat dilihat pada masa kini, perkembangan pendidikan Islam bagi komuniti Islam menjadi lebih baik berbanding sebelum dan di awal kemerdekaan. Sekiranya sebelum ini pendidikan Islam lebih bersifat tradisional, namun kini turut sama mengaplikasikan pentadbiran yang lebih moden dan sistematik. Ia merangkumi kewujudan jabatan khusus untuk mentadbir pendidikan Islam, penubuhan sekolah bermula peringkat rendah sehingga institusi pengajian tinggi, pengambilan tenaga pengajar dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa migrasi golongan agamawan berupaya memberikan impak signifikan di tempat yang didatangi mereka dan aspek ini wajar untuk diterokai lagi untuk kajian-kajian akan datang.

### Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berdasarkan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2104)

## Rujukan

- Abdul Kadir, Z.A. (1993). Pendidikan Islam di Sabah dan Sarawak: masalah dan perlaksanaanya. Dlm. Ismail Ab. Rahman. *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Latif, A.S. (1994). Peranan USIA dalam membina kepentingan agama Islam di Sabah. 25 Disember. Dewan Datuk Salleh Sulung Papar. Fail Keratan Artikel Muzium Tamadun Islam Sabah/F23/Jild. hlm 1-10.
- Abdullah, M. (1978). *Sejarah Malaysia Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ali Kasim, M.S. (2016). Migran agamawan Indonesia di Sabah. Temu bual, 21 Februari.
- Alias, J. (1983). Sejarah kedatangan Islam: penyebaran Islam di Sabah. *Kertas Kerja Seminar Pembangunan Islam di Sabah*. Anjuran Persatuan Mahasiswa/i Sabah Universiti Kebangsaan Malaysia (PERMIS UKM), 11-12 Jun.
- Amiruddin, N. (2012). *Pendakwah Indonesia di Sabah 1967-1985*. Tesis Sarjana Sekolah Sains Sosial Program Sejarah, Universiti Malaysia Sabah.
- Anon. (2015). 70,000 Penduduk Selatan Filipina jadi pelarian. *Utusan Online*, <http://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/70-000-penduduk-selatan-filipina-jadi-pelarian-1.66574>. [6 Mac 2016].
- Anonymous. (1981). Buku Sumbangan Bagi Pameran Hasil Sumbangan Islam Hingga Abad ke 15 Hijrah pada 21 November hingga 5 Disember 1981 di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu. Anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Majlis Agama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Pelajaran, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dan Muzium Negeri Sabah.
- Anonymous. (2014). Konvokesyen kali ke-2 Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Sabah. <https://abunuha.wordpress.com/2014/09/11/konvokesyen-kali-ke-2-maahad-tahfiz-al-quran-negeri-sabah/> [3 ogos 2016].
- Anonymous. (2014). Statistik Jabatan Tenaga Kerja Sabah Tahun 2014. Kementerian Sumber Manusia. <http://jtksbh.mohr.gov.my/images/pdf/pamphlets/stat2014.pdf> [1 Januari 2014].
- Anonymous. (2015). Guru pendidikan Islam anak tempatan di Sabah kritikal. *KOSMO*, 10 Jun. [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=1006&pub=Kosmo&sec=Terkini & pg=bt\\_16.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=1006&pub=Kosmo&sec=Terkini & pg=bt_16.htm) [10 Oktober 2016].
- Anonymous. (t.th). Mission International Organization of Migration. International Organization for Migration (IOM) <https://www.iom.int/mission> [27 Oktober 2015].
- Aziz, H. (2013). Peranan USIA dalam pendidikan, dakwah dan politik di Sabah, Malaysia 1969-1976. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah (SUSURGALUR)* 1(2):167-178.
- Clarke, J.I. (1965). *Population geography*. Oxford: Pergamon Press.
- Dollah, R., Wan Hassan, W.S., Peters, D., & Omar, M.A. (2003). Pendatang Filipina di Sabah: satu pemerhatian dari sudut keselamatan. *Jurnal Jati* 12(8): 217-240.
- Eisenstadt, S.N. (1953). Analysis of pattern of immigration and absorption of immigrants. *Journal of Population Studies* 7(2): 167-180.
- Goldschieder, C. (1971). *Population, modernization and social structure*. Boston: Little Brown.
- Haji Daud, S. (1993). Masa depan dan matlamat sekolah-sekolah agama Islam Sabah. 64-69. Dlm. Ismail Ab. Rahman. *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haji Yassin, A. (2012). Istiadat Konvokesyen Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Negeri Sabah. [http://www.jheains.sabah.gov.my/index.php?option=com\\_content&view](http://www.jheains.sabah.gov.my/index.php?option=com_content&view)

- w=article&id=627:istiadat-konvokesyen-maahad-tahfiz-al-quran-wal-qiraat-negeri-sabah&catid=124&lang=en [3 Ogos 2016].
- Hajimin, M.N.H.H. (2021). Penghijrahan Etnik: Diaspora Multi-Etnik Islam di Sabah. *Global Journal al-Thaqafah* 11(1).
- Hajimin, M.N.H.H., Abang Muis, A.M.R., Mokhtar, S., Othman, I.W., Esa, M.S., Ationg, R. & Hamid, J.A. (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication* 6(23):125-139.
- Hasmin, M.A., & Sidik @ Mat Sidek, R. (2003). Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) dan sumbangannya terhadap masyarakat Islam di Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm 203-228. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hj. Lokin, A. (2007). Perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat peribumi Sabah (1881-1963). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ibrahim, I.A., Hajimin, M.N.H.H., Jamsari, E.A., Mohd Nasir, B. & Safiai, M. H. (2019). The Impact of Filipino Muslim Ethnic Migration into Sabah on ASEAN Integration. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering* 8(11): 369 – 372.
- Idris, M.R. (2016). Agamawan pemangkin majukan negara. *Bharian*, 31 Julai. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/07/178595/agamawan-pemangkin-majukan-negara> [Diakses pada 5 September 2021].
- Idris, N.A. & Othman, Z. (2015). Migrasi antarabangsa dan keselamatan di Malaysia: daripada keperluan sosioekonomi kepada perspektif keselamatan. Dlm. Zarina Othman & Nor Azizan Idris (pnyt). *Migrasi dan Keselamatan*. hlm. 1-24. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). (2001). ISSN: 1511-1725. Fail Keratan Artikel Muzium Tamadun Islam Sabah/F23/Jild. hlm. 6.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah. (t.th). Pusat Latihan Dakwah Islam di Sabah. <http://jakimsabah.islam.gov.my/index.php?lang=ms> [5 November 2016]
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Banci penduduk dan perumahan Malaysia: taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010.
- Jamil, N. (2010). *Pembentukan Malaysia dan impaknya terhadap perkembangan Islam di Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Jemon, S. (2005). Pengurusan buruh asing di Sabah. *Proceedings of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah*.
- Kassim, A. & Imang, U. (2005). Orang Pelarian di Sabah. *Proceeding of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah* 2005.
- Kassim, A. (2005). Illegal immigrants and the state in Sabah: conflicting interests and the contest of will. *Proceedings of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah*.
- Kassim, A. (2015). Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sebagai musuh nombor dua negara?. Dlm. Zarina Othman & Nor Azizan Idris (pnyt). *Migrasi dan Keselamatan*. hlm. 25-49. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khairi, A. (2016). Pelarian Cina Indonesia dan Pelarian Moro di Sabah: penelitian dari aspek pencejarahan. *Jurnal Perspektif* 8(1): 68-75.
- Kiong, A.S.S.L., Luping, H.J., Mustafa, K.Y, Hj. Ampon, K. & Wu, H.C.P. (2014). Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah.
- Lee, Everett. S. (1966). A theory of migration. *Demography* 3(1): 47-57.

- Leng, L.Y. (1982). *Sabah: satu kajian geografi penempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Long, M.N. (1978). *Perkembangan pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Zain, F. & Omar, A. F. (2003). Pengenalan sejarah kedatangan Islam ke Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm. 179-184. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasir, B. & Wasihim, R. (2009). Gagasan migrasi dakwah di kalangan pendatang Filipina di Kota Kinabalu, Sabah: satu tinjauan awal. *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia* 2(2): 21-31.
- Mohd Radzi, M.S., Idris, A., Idris, R.Z. & Md. Hidup, S. (2007). Masyarakat Arab (keturunan Syed) di Tawau, Sabah: tinjauan terhadap sejarah pertapakan dan sumbangan dari aspek sosial. *Borneo Research Journal* 12(1): 189-204.
- Mukhtar, M.M. (2016). Migran agamawan Indonesia di Sabah. Temu bual, 1 Mac.
- Nilam, S. (2012). Gerakan dakwah di Kota Kinabalu: kajian terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Pandin, M. (2017). Migrasi dan impaknya terhadap perkembangan Islam Sabah. Temu bual, 14 Julai.
- Pillai, P. (1992). *People on the move: overview of recent immigration and emigration in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia.
- Rusman, M. (2016). BNP2TKI: 140 ribu TKI bekerja ilegal di Sabah. *Antara News*, 17 Februari. <http://www.antaranews.com/berita/545607/bnp2tki-140-ribu-tki-bekerja-ilegal-di-sabah>. [18 Januari 2017].
- Sansalu, D. (2013). *Sejarah perkembangan pendidikan di Sabah 1881-1981*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sintang, S. (2013). *Kehidupan beragama masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Wan Hassan, W.S. & Dollah, R. (2013). *Pendatang dan isu keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Weeks, J.R. (1989). *Population: an introduction to concepts and issues*. California: Words Worth Publishing.
- Yusin, M. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusoff, I. (1994). Konflik politik Sabah: satu kajian kes. Tesis Sarjana Persuratan, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusoff, I. (1997). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusoff, I. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.